

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB**  
**[ PULAI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bilakah vaksin COVID-19 dijangkakan terdapat di pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Kesihatan dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bagi tujuan memastikan bekalan vaksin COVID-19 dapat diperolehi. JKJAV ini bertindak sebagai Jawatankuasa Induk dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan strategi untuk pembekalan vaksin COVID-19 sehingga pelaksanaan program imunisasi dijalankan. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh pelbagai Kementerian dan Jabatan dan isu-isu seperti pemilihan, pendaftaran, kelulusan, pengimportan, penstoran, logistik, pengangkutan, pengagihan dan pemberian vaksin akan dibincangkan dan diperhalusi di bawah Jawatankuasa Khas ini.

Kerajaan telah meletakkan sasaran untuk memvaksin 70% daripada keseluruhan populasi negara bagi mencapai imuniti kelompok (herd immunity) di bawah Pelan Vaksinasi Kebangsaan bagi penyakit COVID-19. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani dua perjanjian yang memberi jaminan bekalan vaksin sebanyak 30 peratus daripada jumlah populasi negara. Perjanjian pertama adalah bersama COVAX facility melalui Optional Purchase Agreement yang ditandatangani pada 23 November yang lalu yang menjamin bekalan vaksin sebanyak 10 peratus

## NO. SOALAN : 401

populasi negara. Manakala, perjanjian kedua pula adalah perjanjian pembelian awal dengan syarikat farmaseutikal Pfizer yang di meterai pada 24 November bagi mendapatkan bekalan vaksin sebanyak 20 peratus daripada populasi negara. Bagi mencapai baki sasaran sebanyak 40 peratus lagi, kerajaan sedang memuktamatkan rundingan bersama syarikat-syarikat farmaseutikal pembangun vaksin COVID-19 yang lain.

Bagi tujuan vaksinasi kepada rakyat pula, kerajaan menyasarkan tempoh suku tahun pertama 2021 bagi memperoleh wajaran pertama bekalan vaksin COVID-19 bergantung kepada pendaftaran dan kelulusan oleh bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan bagi memastikan vaksin yang diberikan adalah selamat dan berkesan.

Sekian, terima kasih.